



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

*Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN METERAI PERSEFAHAMAN JALIN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH

**SERDANG, 7 OGOS 2022** - Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) telah memeterai memorandum persefahaman (MOU) bersama Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang hari ini.

Pemeteraian MOU tersebut ditandatangani oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mewakili Kerajaan dan YBhg. Tan Sri Prof. Dato' Dr. Nordin bin Kardi, Naib Canselor USAS mewakili USAS. Pemeteraian MOU tersebut disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan dan Yang Berbahagia Prof Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Pengurus Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sultan Azlan Shah.

MOU ini diharap dapat mewujudkan kerjasama dan meneroka peluang dalam bidang Pendidikan, khususnya dalam bidang pendidikan pertanian. Kerjasama ini akan memberi manfaat dalam pembangunan modal insan di kalangan pelajar dan pelatih serta pembangunan kapasiti tenaga pengajar bagi kedua-dua pihak.

Perkongsian kepakaran di dalam bidang pertanian antara Kementerian dan Universiti dalam memenuhi keperluan industri adalah penting terutamanya bagi menyokong agenda sekuriti makanan negara.

Kerjasama ini juga akan memudahkan laluan untuk pelatih di Pusat Bertauliah di bawah MAFI untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama.

MAHA 2022 bertemakan "Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan" atau "Food Security for the Future", diadakan secara dwi-tahunan ini secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan, bahkan ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap acara negara yang memperkenalkan kemajuan serta pencapaian Malaysia. MAHA pada kali ini diadakan selama 11 hari bermula 4 Ogos hingga 14 Ogos 2022.

MAHA 2022 juga menyediakan peluang kerjaya kepada golongan muda serta graduan yang sedang mencari pekerjaan menerusi Program Jamin Kerja dalam segmen Agro Job Fair. Lebih daripada 100 syarikat akan turut serta dalam program ini yang menawarkan lebih daripada 15,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**7 OGOS 2022**

**ATURCARA**  
**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DI**  
**ANTARA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)**  
**DAN UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS)**

Tarikh : 7 Ogos 2022 (Ahad)  
Masa : 12.00 tengah hari  
Tempat : Pentas Utama, Dewan A  
MAEPS Serdang, Selangor

<b>MASA</b>	<b>PROGRAM</b>
11.45am	Para tetamu mengambil tempat di Pentas Utama, Dewan A
12.00pm	Ketibaan Naib Canselor USAS Ketibaan Ketua Setiausaha MAFI Ketibaan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Ucapan Aluan Pengacara Majlis Tayangan Video Korporat Upacara Tandatangan Penyampaian Cenderahati Sesi Bergambar
12.30pm	Bersurai